

Implikasi arus balik pembandaran

Konsep arus balik pembandaran ia-
itu terjemahan daripada 'counter-urbanisation' sudah banyak dibin-
cangkan sejak 1960-an lagi terutama di
negara Eropah barat seperti Britain dan
Itali serta di Amerika Syarikat. Perbin-
cangan mengenainya menjurus kepada
perdebatan mengenai definisi, bentuk,
model, strategi dan pentadbirannya.

Namun di Malaysia, isu ini jarang
dibincangkan mungkin kerana pemban-
daran pesat yang berlangsung sejak
hampir 60 tahun lalu belum mencapai
tahap untuk proses arus balik pem-
bandaran itu berlaku walaupun bibit
perubahan ke arah itu sudah muncul.

Konsep arus balik pembandaran di-
cetuskan di Amerika Syarikat pada 1970-
an apabila jumlah penduduk di sese-
tengah kawasan desa sudah menunjukkan
peningkatan semula selepas be-
berapa dekad berkurangan.

Beberapa pengkaji mula menyedari
dan mencipta perkataan 'counterurbanization' (arus balik pembandaran) ini.
Tidak terdapat persetujuan sama ada
arus balik pembandaran ini adalah satu
fenomena baru atau hanya satu per-
nerusan nyahkonsentrasi bandar.
Malah ada juga yang berhujah bahawa
arus balik pembandaran ini adalah satu
penolakan gaya hidup di bandar yang
dilalui sejak sekian lama.

Isu ketidaklestarian yang berlaku se-
erti peningkatan kes jenayah, pence-
maran udara, air dan seumpamanya
telah mendorong penduduk untuk ber-
alih semula ke kawasan desa selepas
tempoh berkhdmat di bandar selesai.

Jika diperhatikan di Barat dan Eropah,
proses arus balik pembandaran ini
berlangsung selepas lebih 200 tahun
proses pembandaran itu berlaku.
Namun di Malaysia, hanya selepas empat
dekad barulah proses itu dicadangkan.
Di Barat penghijrah yang kembali semu-
la ke kawasan perkampungan terdiri daripada mereka yang sudah mempunyai
kedudukan ekonomi yang mantap iaitu golongan menengah dan atasan
yang berasakan kurang selesa tinggal di
bandar besar itu lagi.

Di bawah inisiatif kerajaan yang ada
sekarang ini Rural Transformation Centre (RTC) atau Pusat Transformasi Luar
Bandar diwujudkan bertujuan untuk
menggalakkan pertumbuhan ekonomi
kawasan di desa. Pembangunan ekono-
misi ini akan menjadi pencetus kepada
pembangunan sosial penduduk di ka-
wasan tersebut melalui kewujudan pe-
luang ekonomi dan pekerjaan.

Kewujudan ekonomi berasaskan per-
tanian di desa melambangkan usaha
untuk menarik golongan muda untuk
terus menetap di kawasan desa kerana
didapati kawasan desa kini kehilangan
fungsi ekonominya. Banyak kawasan
yang berpotensi sebagai penjana ekono-
misi hilang daya fungsinya menjadi
kawasan terbiar yang tidak diusahakan
dengan sebaik-baiknya walaupun sebe-
narnya mampu menjana pendapatan
yang lumayan. Inisiatif ini disifatkan
sebagai pelengkap kepada usaha mem-
bangunkan kawasan bandar yang semakin
meledak naik di kebanyakan tempat di negara ini.

Apa dihujahkan sebagai satu peno-
lakan bentuk dan gaya hidup di bandar
dengan keadaan kualiti kehidupan yang
rendah dan peranan dimainkan oleh
ejen harta tanah dan pemaju perumahan
adalah faktor yang menyebabkan ber-
lakunya keadaan arus balik pemban-
daran ini. Kunci utama kepada ber-
lakunya proses tersebut ialah untuk
mendapatkan kualiti hidup yang lebih
baik dari aspek ekonomi, sosial, budaya
dan alam sekitarnya.

Pemampatan ruang masa akibat pro-
ses globalisasi dan kecanggihan sistem
komunikasi menjurus kepada pening-
katan aliran arus balik pembandaran ini.
Kewujudan mesin faks, e-mel, te-
lefon pintar dan internet jalur lebar
menjurus kepada pertumbuhan 'telekerja' atau
'ulang alik elektronik' yang membolehkan pen-
duduk melakukan pekerjaan di rumah tanpa perlu
hadir di pejabat yang lazimnya terletak di bandar.
Keadaan ini menggalakkan penduduk tinggal di
desa yang mana harga dan sewa rumah relatifnya
lebih rendah berbanding di bandar yang
dilalui sejak sekian lama.

Ada beberapa implikasi
yang dapat diperhalusi
daripada proses arus balik
pembandaran ini. Pertama-
nya proses ini akan membawa kepada
pertumbuhan kawasan di
pinggir bandar dengan le-
bih pesat lagi terutama di
bandar kecil dan desa
yang berada berhampiran
bandar tersebut. Kedua,
akan berlaku peningkatan
harga rumah di ka-
wasan desa yang mungkin
menyebabkan golongan
muda setempat tidak mampu untuk memiliki rumah
sendiri di kawasan mereka membesar.

Peningkatan harga tanah turut akan
berlaku yang akan dibolot oleh golon-
gan kapitalis yang mengambil kesem-
patan daripada peluang yang terbuka
dan akhirnya mungkin akan merugikan
penduduk setempat sendiri seandainya
mereka lalai dan alpa serta terpesona
dengan apa yang berlaku di sekeliling
mereka.

Kesan negatif lainnya ialah kurangnya
penghargaan terhadap budaya tradisi
setempat apabila penduduk yang baru
mula mendiami kawasan itu. Penduduk
yang rata-ratanya datang dari pelbagai
latar belakang budaya dan sosioekono-
mik akan turut sama membawa dan
mengamalkan budaya yang diwarisinya
di dalam perkampungan barunya itu.
Maka akan berlakulah perubahan da-
lam nilai dan semangat setempat yang
mungkin menjadi luntur.

Penulis

ialah Felo Penyelidik/Pensyarah
Kanan, Institut Alam Sekitar dan
Pembangunan (LESTARI), Universiti
Kebangsaan Malaysia (UKM).

 SAHARUDIN IDRUS

dinn6358@gmail.com

INFO

Implikasi arus balik pembandaran

- ⦿ Pertumbuhan kawasan di pinggir bandar **dengan lebih pesat lagi terutama di bandar kecil dan desa**
- ⦿ Peningkatan harga rumah di kawasan desa
- ⦿ Peningkatan harga tanah turut akan berlaku yang akan **dibolot oleh golongan kapitalis yang mengambil kesempatan**
- ⦿ Kurangnya penghargaan terhadap budaya tradisi setempat **apabila penduduk yang baru mula mendiami kawasan itu**
- ⦿ Perubahan dalam nilai dan semangat setempat yang mungkin **menjadi luntur**